

Kosmo (Negeri) Rabu 30/12/09 ms11

UMP dapat robot industri Perodua

Oleh KHAIRATUL AINAL ABDUL KARIM
berita@kosmo.com.my

KUANTAN - Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) menyumbangkan 13 robot industri bernilai RM2.6 juta kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini semalam, sebagai kerjasama strategik dengan institut pengajian tinggi.

Perodua turut menyerahkan manual penggunaannya bukan sahaja untuk pembelajaran dalam kelas dan praktikal malah lebih kepada tujuan pembelajaran simulasi industri.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, dengan adanya robot tersebut, UMP menawarkan empat kursus baru melalui Jabatan Kejuruteraan Pembuatan iaitu robot untuk jurutera, pembuatan menggunakan komputer bersepadu, sistem pembuatan kawalan komputer serta sistem deria dan pacuan.

"Kesemua robot itu disumbangkan untuk digunakan dalam pembelajaran sebagai salah satu usaha penerapan kaedah kilang ber-

asaskan industri di sini.

"Kolaborasi antara UMP dan Perodua bukan sekadar sumbangan robot sahaja malah pemindahan teknologi melalui latihan pengendalian robot secara berperingkat.

"Pelajar juga akan didedahkan dengan peralatan canggih robot industri yang memberi kemudahan untuk membuat penyelidikan selain merasai suasana di makmal dan kilang yang bakal mereka lalui di alam pekerjaan nanti," katanya yang diwakili oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd. Hilmeiy Mohd. Taib pada Majlis Penyerahan Robot Industri daripada Perodua kepada UMP di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah Urusan Perodua, Datuk Syed Abdul Hafiz Syed Abu Bakar dan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim

Robot industri sebelum ini pernah digunakan bagi pemasangan model kereta Perodua iaitu Kenari, Kancil dan Kelisa yang telah diberhentikan pengeluarannya.



SYED ABDUL HAFIZ (kiri) bersama Mohd. Hilmeiy (tengah) melihat satu daripada 13 robot yang diserahkan kepada UMP di Gambang, Kuantan semalam.